

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KE TIGA PULUH TIGA(33)
TAHUN 2025
KOPERASI KAKITANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BERHAD
(KOWANGAN)**

Tarikh : 22 Jun 2025 (Ahad)
Masa : 1.00 petang
Tempat : Dewan Sa'adah, Wisma MUIS, Kota Kinabalu.
Pengerusi : YBhg. Datuk Peter Thien Sin Min
Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN A

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Kowangan

- 1.1 YBhg. Datuk Peter Thien selaku Pengerusi Koperasi mengalu-alukan serta mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir atas sokongan yang telah diberikan selama ini demi kepentingan Koperasi. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah tidak akan menghadiri mesyuarat buat kali ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 1.2 Beliau seterusnya memaklumkan para hadirin bahawa punca pendapatan Koperasi pada ketika ini masih bergantung kepada faedah simpanan tetap, sewaan kedai, dividen/pelaburan dalam syer harga dan sebagainya.
- 1.3 Bagi memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan, Datuk pengerusi mengumumkan bahawa Malam KOWANGAN telah dirancang untuk diadakan pada tahun depan.

2. PENGESAHAN KORUM

- 2.1 Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat setelah korum disahkan mencapai 164 ahli yang mana telah melebihi 150 ahli atau 1/3 daripada jumlah ahli Koperasi, mana yang kurang. Jumlah kehadiran ialah 186 ahli.

3. PELANTIKAN Pengerusi dan Setiausaha Sementara

- 3.1 Selari dengan peraturan-peraturan berkenaan dengan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi, Datuk Pengerusi mempelawa ahli-ahli Koperasi yang hadir untuk mencadang pelantikan seorang pengerusi dan juga seorang setiausaha sementara Mesyuarat Agung Tahunan.
- 3.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju supaya Pengerusi sendiri, Datuk Peter Thien Sin Min dilantik sebagai pengerusi sementara manakala Setiausaha sendiri, Encik Daniel Ng Chai Cheong sebagai setiausaha sementara.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE TIGA PULUH DUA(32)

- 4.1 Datuk Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-32 dari muka surat 6 hingga 15 dalam buku Laporan Tahunan 2024.
- 4.2 Pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-32 telah dicadangkan oleh Encik Lee Yun Tet dan disokong oleh Encik Ah Wah Bin Kong Nam.

5. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA TAHUNAN 2024-2025

- 5.1 Laporan dibentangkan oleh Setiausaha Koperasi.
- 5.2 Secara keseluruhannya pengurusan Koperasi sepanjang tempoh 2024/2025 telah berjalan dengan lancar dan memuaskan walaupun dalam keadaan yang lebih mencabar terutama dari segi mencari sumber pendapatan baru berikutan dengan penyerahan balik pengurusan operasi kantin Wisma Kewangan secara rasmi kepada Kementerian Kewangan baru-baru ini. Selain daripada itu, permohonan penyediaan kemudahan *Facility Management* untuk bangunan apartmen Kerajaan 10 tingkat di Jalan Sepanggar masih belum diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan setakat ini.
- 5.3 Ahli Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat ALK sebanyak enam (6) kali sepanjang sesi 2024/2025. Jumlah keahlian KOWANGAN setakat 31 Disember 2024 ialah seramai 466 orang.

6. LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL

- 6.1 Laporan Jawatankuasa Kecil Pelaburan Tahun 2024/2025 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Nancy Majangil.
- 6.2 Berkenaan dengan penambahbaikan prestasi pelaburan, mesyuarat menerima baik cadangan untuk menilai semula portfolio pelaburan Koperasi sedia ada dari masa ke semasa termasuk pilihan institusi perbankan untuk simpanan tetap bagi mendapatkan pulangan faedah yang lebih tinggi.
- 6.3 Laporan Jawatankuasa Kecil Pengurusan Premis Perniagaan Tahun 2024/2025 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Encik Zulkarnain Bin Zaini.
- 6.4 Laporan Jawatankuasa Kecil Keanggotaan Tahun 2024/2025 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Jenny Baranting.
- 6.5 Berkenaan dengan penarikan diri dari keahlian Koperasi, anggota perlu mengisi borang yang telah ditetapkan atau menghubungi AJK untuk mendapatkan pencerahan dan bantuan.
- 6.6 Penyediaan kad keahlian sedang diusahakan. Anggota yang belum menerima kad keahlian digesa membekalkan gambar digital atau fizikal terkini kepada AJK.
- 6.7 Laporan Jawatankuasa Kecil Sosial & Hiburan Tahun 2024/2025 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Winifred Jouny.
- 6.8 Mesyuarat mengambil maklum VISIT INDONESIA 2024 (JAKARTA-BANDUNG) yang telah diadakan dengan jayanya pada 20-24 Ogos 2024 serta lawatan ke CHONGQING, CHINA yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini.

- 6.9 Pengerusi Jawatankuasa Kecil Perniagaan, Puan Beatrice Foo melaporkan bahawa oleh kerana sesuatu yang tidak dapat dielakkan, maka aktiviti perniagaan yang telah dirancang belum dapat dilaksanakan.
- 6.10 Mesyuarat menerima baik cadangan untuk merangka strategi untuk mempertingkatkan prestasi pendapatan Koperasi. Dalam pada itu, Datuk Pengerusi menegaskan bahawa permohonan penyediaan kemudahan *Facility Management* untuk bangunan apartmen Kerajaan 10 tingkat di Jalan Sepanggar yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan dua tahun yang lalu masih belum mendapat sebarang maklumbalas daripada pihak Kementerian Kewangan setakat ini walaupun Kerajaan Negeri sebelum ini telah mempertanggungjawabkan Koperasi ini untuk mengambil alih pengurusan penyelenggaraan bangunan dan khidmat pengawal keselamatan bangunan apartmen tersebut, setelah ianya berpenghuni atau boleh didiami.
- 6.11 Memandangkan perkara ini telah berlarutan lama serta difahamkan bahawa keadaan bangunan apartmen tersebut semakin usang, maka Datuk Pengerusi mengutarakan bahawa Koperasi berkemungkinan akan memohon untuk membeli bangunan apartmen tersebut dengan harga yang di bawah nilai pasaran, memanfaatkan khidmat pembiayaan melalui Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) yang berjumlah RM30 juta maksimum atau melalui saluran pembiayaan yang lain.
- 6.12 Puan Anthea Jipanus mencadangkan agar semua laporan diterima. Encik Ah Wah Bin Kong Nam menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

7. MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN AUDIT DALAMAN 2024

- 7.1 Encik Louis Tokuzip melaporkan penyataan Juruaudit seperti berikut:-
- Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan tersebut memberi satu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Kakitangan Kementerian Kewangan Sabah Berhad pada 31 Disember 2024.
 - Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkaitan diselenggara dengan memuaskan.
- 7.2 Encik Darius Joiwin mencadangkan laporan diluluskan. Encik Ian Kevin Witus menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

8. MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 2024

- 8.1 Laporan dibentangkan oleh Datuk Pengerusi.
- 8.2 Penyata kewangan Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diaudit oleh Juruaudit Luar, N.S. Lim & Co.
- 8.3 Berdasarkan penyata kunci kira-kira pada 31 Disember 2024, jumlah aset adalah bernilai RM2,430,208.83, jumlah liabiliti bernilai RM42,462.53 dan jumlah tunai bernilai lebih kurang RM1 juta, manakala keuntungan bersih telah mencatatkan penurunan daripada RM26,416.05 pada tahun 2023 kepada RM9,284.37 pada tahun 2024.
- 8.4 Encik Lee Yun Tet mencadangkan laporan diluluskan. Encik Saiful Zahrin Bin Jasri menyokong. Mesyuarat menerima sebulat suara.

9. MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 9.1 Berdasarkan kepada keuntungan yang kurang memberangsangkan, Datuk Pengerusi mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 3% dan 7% bayaran penghargaan khas melalui Kumpulan Wang Perayaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, elaun kehadiran sebanyak RM50.00 dan elaun makan sebanyak RM10.00. Encik Lee Yun Tet mencadangkan agar cadangan pembahagian keuntungan diterima. Datin Rosni Binti Naming menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.
- 9.2 Berkenaan dengan bayaran penghargaan khas melalui Kumpulan Wang Perayaan, mesyuarat bersetuju sebulat suara agar perkara ini dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang pembayaran dibuat.

10. MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2025/2026

- 10.1 Anggaran belanjawan dibentangkan oleh Datuk Pengerusi. Encik Ah Wah Bin Kong Nam mencadangkan agar anggaran belanjawan tahun 2025/2026 diterima. Puan Jessie Jinu menyokong. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

11. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMUM PINJAMAN LUAR

- 11.1 Mesyuarat bersetuju sebulat suara agar had maksimum pinjaman luar sebanyak RM3 juta dikekalkan.

12. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMUM PELABURAN KOPERASI

12.1 Mesyuarat bersetuju sebulat suara agar had maksimum pelaburan Koperasi sebanyak RM3 juta dikekalkan.

13. MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOWANGAN YANG TAMAT TEMPOH MENGIKUT GILIRAN

13.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa oleh kerana hanya empat (4) pencalonan yang diterima setakat jam 12.00 tengah hari, 13 Jun 2025, maka ke empat-empat calon telah diisytiharkan menang tanpa bertanding seperti berikut :-

- i) Encik Daniel Ng Chai Cheong
- ii) Puan Winifred Jouny
- iii) Encik Ornest Mosusi
- iv) Puan Valerie Chin Siew Vun

14. MELULUSKAN PELANTIKAN PANEL JURUAUDIT LUAR

14.1 Mesyuarat sebulat suara meluluskan pelantikan N.S. Lim & Co sebagai Juruaudit Luar Koperasi.

15. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG AHLI BIASA DAN EMPAT (4) ORANG AHLI LEMBAGA KOPERASI UNTUK MENENTUSAHKAN DERAJ MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

15.1 Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan agar enam(6) orang ahli biasa seperti tersenarai di bawah untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 seperti berikut :-

- i) Datin Dg Hamsiah Hj Juana
- ii) Puan Rufina Lee Mailap
- iii) Puan Liew Fui Moi
- iv) Puan Jessie Jinu
- v) Puan Judy Ann Engku
- vi) Puan Helen Teo

Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

15.2 Mesyuarat juga bersetuju sebulat suara agar Ahli Lembaga Koperasi sendiri melantik empat (4) orang Ahli Lembaga Koperasi bagi tujuan tersebut selepas Mesyuarat Agung Tahunan ini.


16. MEMBAHAS USUL-USUL YANG DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Tidak ada usul.

17. PENANGGUHAN MESYUARAT

17.1 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4:00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Datuk Pengerusi.

Dicatat oleh :



(DANIEL NG CHAI CHEONG)
Setiausaha Mesyuarat Sementara/
Pencatat Minit

Disemak oleh :



(DATUK PETER THIEN SIN MIN)
Pengerusi Mesyuarat Sementara

Tarikh : 3 JULAI 2025

LAMPIRAN A

1	ABDUL HADI WATHIQ BIN ABDUL SAMAT
2	ABDUL JAMIL KANAK
3	ABDUL RAZAK BIN AHMAD @ ABD RASHID
4	AH WAH BIN KONG NAM
5	AHMAD BIN ABDUL
6	AINI BINTI TIWOL
7	AIVI @ BENEDET MARAAT
8	ALEXIUS ROBERT
9	ALICE TOILOH
10	ANDREW GUNTAN
11	ANINAH BT ARBIN @ ANI
12	ANISA YONG @ YONG EN YUEN
13	ANITA CHRISTINE SALAM
14	ANNE VENANTIUS @ JANET
15	ANNIE BINTI BUTOD
16	ANTHEA JAMES JIPANUS
17	ANTHONY ATIU
18	APSAH BINTI TADIN
19	ARNOLD JOIBI
20	AZAWANA BINTI AWANG SALLEH
21	AZIZAH BINTI PANGANTIN
22	BEATRICE D.MIKIL
23	BEATRICE FOO BOON LAN
24	BETTY MOKUNJIL
25	BIBI HASNA CARRIENA BINTI AHMAD SHAH
26	BUATI BINTI AWANG
27	CECILIA CHANG YEN THAI
28	CELESTINE FUNG LEE MEE
29	CHIA PIT HAH
30	CHIN CHU MOI
31	CHIN SIEW VUN
32	CHIN SYN CHU @ WENDY CHIN
33	CHINWATI BINTI JINTI
34	CHONG YUN YIN @ SUZIE
35	CHUA KIM MOI @ MONICA CHUA
36	CHUNG KIN SHEN
37	CLARICE ADRIAN
38	CORNELIA BINTI GREGORY KOLOPIS HAN









39 DANNAH BINTI DURIN
40 DAPHNE JANE BINTI VICTOR
41 DARIUS ANTHONY JOIWIN
42 DAYANG HAMSIAH BTE HJ. JUANA (DATIN)
43 DECELVIA MORISON
44 DENASIA BTE TUNAI
45 DENIS LIM
46 DEONYSIA JULIANUS @ MARLINA ABDULLAH
47 DG DAMIT @ MARIAH HJ. DOLLAH
48 DG. LAPUAN @ ZALIFAH HJ. OMAR
49 DISNEY EDWARD LAI
50 DOROTHY CHIN FUI LEN
51 DURAHMAN BIN HAMDAN
52 EBENEZER P. GODOMON
53 ELIZABETH ELSIE GODWIN
54 ELVIN MALIH
55 EMILDA EDMUND
56 ERNYWATI DEWI BINTI ABAS
57 FATMAH BINTI HUSSIN @ MD HUSSIN
58 FUNG AH MUI
59 GOH CHEW HOON @ JULIANA
60 HAMIZAH BINTI ABDUL RAHMAN
61 HAN LIN WAH
62 HANIZAH BINTI WID @ HELEN
63 HASSAN BIN JAPLUS
64 HIERWAN @ MOHD IKRAM BIN MURSHID
65 HILARION ROBERT @ ALEXANDER
66 HILARY PETRUS
67 HOLIN PADDIS GIMBUL
68 HONG ONN LIU
69 IAN KEVIN WITUS
70 IRENE HAMAD @ SITI JARIAH
71 IRENE YAP NYUK MEE
72 ISMADI MOHD. DAUD
73 JANE RITA GONDIPON
74 JANET THIEN PIT HA
75 JANISAH BINTI TAYUNG
76 JENNY BINTI BARANTING
77 JESSIE JINU
78 JOHNNY BIN GAMPAWI
79 JOSEPH BIN RYMAN

80 JOSIE MIJOL
81 JOSLYNE JANE MAJANIL
82 JUDY ANN ENSKU
83 JUDY LO
84 JULIAN LO
85 JULIANA @ EMILY AKONG
86 JULKIPLI BIN JUL @GUL
87 JUSTINA LAWRENCE
88 JUSTINA VICTOR KILOS
89 KAMARIAH BINTI ABAS
90 KAROMINA @NURHIDAYAH BT. DIMIS
91 KEE Y KAMARIAH BT K YUSOF
92 KENNETH WONG
93 LANDUNA @ LAMINAH BINTI GALANSOU
94 LEE BEE NEO @ MARIA
95 LEE YUN TET
96 LIEW FUI MOI
97 LIM NYUK HONG
98 LING SHYH HUEY @ IRENE
99 LOUIS TOKUZIP
100 LUCIA BINTI GONI
101 LYDIA BINTI MARUKAU
102 MAISHATUL NORHASHIKEEN @ JENNEFFER MOSIA
103 MAKLIN B. MONJOHI @ DONALD MAKLIN MONJOHI
104 MARDI BIN MARIJO
105 MARGARET CONSTANCE CONNIE LEE
106 MARGARET KUMPIT
107 MARIA GEORGE
108 MARIAH BINTI ANSIP
109 MARIATY BTE JOHN CHUAN
110 MARITHI @ MARITAH MASIDIN
111 MASLUH BINTI SITAL
112 MAUREEN MOSIGIL
113 MICHAEL JIKION
114 MOHAMMAD IZWAN BIN JOHRAN
115 MOHD ARMIEHANDY BIN AHMED
116 MOHD AZUAN BIN RIDWAN
117 MOHD FAIZAL MOHD TAHIR
118 MOHD KHAIRUEL SHAH BIN MATJANI
119 MOHD ROZLAN BIN JAAFAR
120 MOHD. AZMAIN BIN AHMAD

121	MU CHI FAH @ COLIN
122	NAZRI BIN MOHD SALLEH
123	NG CHAI CHEONG
124	NISMAH BT KASTUM
125	NOOR HIDAYAH BTE AMEENUDDEN
126	NORAIN BINTI RAMLI
127	NORAISAH BTE TAHIR
128	NORAZILAH BTE HAMZAH
129	NORIDAH BINTI ARIPI (HAJJAH)
130	NORMAH HJ. AWANG TENGAH
131	NORSAH BUBIN
132	NUR ATHIRAH BTE ZAINUDDIN
133	NURILAH BINTI PG MALADIN
134	NURINAH BINTI MAT NOOR
135	ORNEST MOSUSI
136	PAINIS BTE HJ. ALIP
137	PANG NYUK HOWA
138	PANG SOON VUN
139	PERKASH KAUR
140	PETER THIEN SIN MIN (DATUK)
141	PRISCILLA CHUA PO EN @ PRISCILLA BELIMBIN
142	QUEEN NOOR BINTI ABDUL RAHMAN
143	RAFIDAH BINTI ALI HASSAN
144	RAIMAH BINTI AMIN
145	RAZALEIGH YUSOF
146	ROHAYA HJ MURSHIDI
147	ROSE BINTI SIPIT
148	ROSITA BTE AMBO DALLI
149	ROSLINA OSMAN BUMPIN
150	ROSMEH BINTI MOLIDIN
151	ROSNI BINTI NAMING (DATIN)
152	RUFINA LEE MAILAP
153	RUKIAH ASAN
154	RUMAINAH BINTI YAAKUB
155	SAADIAH DATUK HJ. MOHD. SALLEH
156	SAIFUL ZAHRIN BIN JASRI
157	SALMAH BTE AB SANI
158	SARZIKOR @ SARZIKOR KAUR
159	SAULIM BINTI GUTOK
160	SENNIAH BINTI TAIP
161	SENNIAH LAGA

162 SHAHRIL HJ. SAINOH
163 SHARIFFAH AZNOOR BINTI JAP
164 SHIM KHONG MOI @ AGNES
165 SIANI BT MAJANGIL @ NANCY
166 SITI AFNAH BTE LAGAI
167 SITI RUSNI HANAFIAH
168 SOON BING SHONG
169 STEPHANY A JOEMAN
170 TALIP BIN LASSIM
171 TEE GIOK BEE @ ANGELIE TEE
172 TEO LEE TEH @ HELEN
173 TEO THIN HWA
174 TIMOTHY FELIX BOYOU
175 VERUS LAWRENCE
176 VINCENT GONDIPON
177 VUN FUI YEE
178 WINIFRED BTE JOUNY @ WINNIE FRED
179 WINNIE ANN @ WENDY
180 WONG KUI JIN
181 YAZID YUZAIRIE B. YUNOS
182 YEE PIT SHUE
183 YUSOFF @ HUNTER BIN MOHAMED KASSIM (DATUK)
184 ZAINABA SHUKOOR
185 ZAINUDDIN BIN AWANG
186 ZULKARNAIN BIN ZAINI

TANDATANGAN PENENTUSAHAN
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 33
TAHUN 2025

BIL	NAMA	TANDATANGAN
1	DATIN DG HAMSIAH HJ JUANA	
2	PUAN RUFINA LEE MAILAP	
3	PUAN LIEW FUI MOI	
4	PUAN JESSIE JINU	
5	PUAN JUDY ANN ENGKU	
6	PUAN TEO LEE TEH @HELEN	
7	PUAN CHIA PIT HAH	
8	PUAN NANCY MAJANGIL	
9	PUAN WINIFRED JOUNY	
10	ENCIK TIMOTHY FELIX BOYOU	